

**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 17 TAHUN 2003**

---

**PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PERTANIAN GRED G17, G22, G26**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan pindaan skim perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G17, G22, G26.

**LATAR BELAKANG**

2. Dalam skim perkhidmatan Pembantu Pertanian yang berkuat kuasa pada masa ini terdapat dua kelayakan yang menjadi syarat lantikan bagi skim perkhidmatan Pembantu Pertanian iaitu Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Institut Pertanian dari Kementerian Pertanian Malaysia. Perkhidmatan Pembantu Pertanian sedang mengalami perubahan selaras dengan sektor pertanian yang telah berkembang menjadi salah satu penjana penting pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Oleh itu, skim perkhidmatan Pembantu Pertanian harus dimantapkan lagi selaras dengan keperluan semasa.

## **PINDAAN**

3. Pindaan skim perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G17, G22, G26 adalah dengan membatalkan syarat lantikan seperti di perenggan 1(c)(i) skim perkhidmatan yang sedia ada. Ini bermakna kelayakan Sijil Institut Pertanian dari Kementerian Pertanian Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya menjadi syarat asas lantikan. Sehubungan ini, Sijil Institut Pertanian dari Kementerian Pertanian Malaysia yang dimaksudkan ialah sijil yang diperolehi selepas Jun 1996 iaitu mulai dari tarikh kelayakan ini adalah diiktiraf setaraf dengan Sijil Politeknik dari Politeknik-politeknik Kementerian Pendidikan Malaysia.

4. Skim perkhidmatan Pembantu Pertanian Gred G17, G22, G26 yang telah dipinda adalah seperti di **Lampiran A**.

## **TARIKH KUAT KUASA**

5. Pindaan skim perkhidmatan Pembantu Pertanian yang baru ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2004.


## **PEMBATALAN**

6. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, skim perkhidmatan Pembantu Pertanian yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah diganti dengan skim perkhidmatan yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan ini.

## **PEMAKAIAN**

7. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TANSRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

**7** November 2003

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**SKIM PERKHIDMATAN  
PEMBANTU PERTANIAN**

**KLASIFIKASI** : PERKHIDMATAN PERTANIAN

**KUMPULAN PERKHIDMATAN** : SOKONGAN

**TARIKH KUATKUASA** : 1 JANUARI 2004

<b>Gred</b>	<b>Jadual Gaji Matriks</b>
Gred G17	: P1T1 RM 659.93 - P1T24 RM 1724.73 P2T1 RM 701.07 - P2T24 RM 1821.53 P3T1 RM 743.42 - P3T24 RM 1921.96
Gred G22	: P1T1 RM 1535.97 - P1T12 RM 2274.07 P2T1 RM 1649.71 - P2T12 RM 2511.23
Gred G26	: P1T1 RM 1761.03 - P1T9 RM 2390.23 P2T1 RM 1929.22 - P2T9 RM 2616.50

- SYARAT LANTIKAN** 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Sijil Institut Pertanian, Kementerian Pertanian atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;  
(Gaji permulaan ialah pada Gred G17: P1T8).
- dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- PENETAPAN GAJI PERMULAAN** 2. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred G17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN** 3. Pembantu Pertanian Gred G17 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun
- LATIHAN** 4. Pembantu Pertanian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
5. Pembantu Pertanian Gred G17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** 6. Pembantu Pertanian Gred G17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
7. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
8. Pembantu Pertanian hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G22**
9. Pembantu Pertanian Gred G17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pertanian Gred G22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED G26**
10. Pembantu Pertanian Gred G22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pertanian Gred G26 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
  - (c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
  - (d) diperakukan oleh ketua perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI PERTANIAN**
11. Pembantu Pertanian yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Pertanian Gred G27 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota :** Skim Perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002].